

Felda ke BSKL sebelum akhir tahun

UM 14 SEP 2003

PUTRAJAYA 13 Sept. — Felda, syarikat perladangan terbesar dunia akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebelum akhir tahun ini dengan 75 peratus pegangan milik kerajaan dan 25 peratus sebagai tawaran awam permulaan (IPO).

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis berkata, kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan syarikat-syarikat di bawahnya akan memegang 75 kepentingan dalam syarikat itu yang diambil alih daripada Felda Holdings Sdn. Bhd. (Felda Holdings).

Felda Holdings pula akan memegang 25 peratus ekuiti yang diambil alih daripada anak syarikat Felda lain termasuk Koperasi Permodalan Felda (KPF) dan akan ditawarkan kepada peneroka, kakitangan, pengurusan serta institusi.

"Para peneroka memegang 49 peratus saham dalam KPF dan mereka akan diberi peluang memiliki saham melalui skim yang akan diumumkan penghujung bulan ini," katanya pada sidang akhbar selepas sesi perbincangan dengan pihak pengurusan Felda di sini hari ini.

Tambah beliau, kement-

rian juga akan membuat tawaran pemilikan institusi kepada kerajaan negeri.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan ketika pembentangan Bajet 2004 di Dewan Rakyat, mengumumkan hasrat kerajaan untuk menyenaraikan Felda di BSKL bagi meningkatkan daya saing syarikat tersebut.

Penyenaraian itu juga, katanya, bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian sebenar dengan menghasilkan produk bermutu tinggi secara domestik sepenuhnya.

Bagaimanapun, hanya sejumlah 354,554 hektar tanah ladang dan kilang milik Felda yang akan disenaraikan tanpa melibatkan sejumlah 447,246 hektar tanah yang dimiliki oleh peneroka.

Menurut Jamaludin lagi, sejumlah RM1 bilion dijangka dapat dikumpul hasil daripada IPO.

Ujarnya, hasil jualan itu akan digunakan sebagai modal kerja untuk memantapkan Felda dalam menghadapi persaingan di peringkat antarabangsa.

"Dr. Mahathir ingin memberi imej baru kepada Felda yang selama ini hanya terlibat dalam penanaman kelapa sawit sekali gus sebagai persediaan menghadapi globalisasi," terangnya.

Jelannya, ia juga selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian sebenar manakala Felda akan terlibat dalam memproses hasil minyak sawit menjadi pelbagai produk untuk di jual di pasaran antarabangsa.

Pada pertemuan itu, Felda diwakili oleh Pengerusinya, Tan Sri Dr. Yusof Noor; Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Fadzil Yusof serta beberapa pegawai jabatan.